

LJT SULIT 410/(106)

Jun 2010

Seperti Senarai Agihan

Y Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan

PENGGUNAAN SISTEM eLJT

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa sistem eLJT telah melalui melepasi ujian kami dan kini sedia untuk digunakan.

2. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengalu-alukan YBhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk menggunakan sistem eLJT ini semasa berurusan dengan Lembaga dengan melayari <http://www.eljt.org.my>. YBhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan hendaklah menggunakan login dan katalaluan yang telah diberikan pada peringkat fasa pertama dahulu (Rujukan Surat:LJT SULIT 410/(99)). Segala urusan secara manual akan dikurangkan secara berperingkat dan bakal dihentikan sepenuhnya apabila keadaan mengizinkan.

3. Bagi melancarkan lagi proses ini, pihak Lembaga akan menyediakan 2 buah terminal di pejabat kami yang boleh digunakan oleh Juruukur Tanah Berlesen atau kakitangannya yang datang sendiri ke pejabat Lembaga untuk menggunakan sistem eLJT. Kakitangan Lembaga akan ditugaskan bagi membantu Juruukur Tanah Berlesen atau kakitangannya yang menggunakan kemudahan ini.

4. Kerjasama YBhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan sangat diharapkan. Sekiranya ada sebarang masalah dalam menggunakan sistem di atas, YBhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan bolehlah terus menghubungi pihak kami dengan menghantar e-mel ke helpdesk@ljt.org.my atau menghubungi terus pegawai-pegawai berikut :

- i. Pn. Shariah Bt Megat Suffian (sambungan 115)
- ii. En. Mohd Fhazly Bin Mat Yusop (sambungan 134)
- iii. Pn. Norzailinda Bt Zainal Abidin (sambungan 115)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Sr ABU HAMID BIN SELAMAT)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah

s.k. 1. Y.Bhg. Prof Dato' Sr Dr. Abdul Kadir B. Taib
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah

2. Presiden Pejuta